

TARIKH	27 MAY 2025 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	LAKSANA APG PERLUAS POTENSI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI		
M/S	4 (NASIONAL)	KATA KUNCI	RENEWABLE ENERGY, APG
BIDANG	ENERGY		

Laksana APG perluas potensi tenaga boleh diperbaharui

Kuala Lumpur: ASEAN wajar memperkukuh integrasi fizikal dan institusi bagi memperluas potensi tenaga boleh diperbaharui di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata visi itu boleh direalisasikan menerusi pelaksanaan rancangan Grid Kuasa ASEAN (APG).

Beliau berkata, saranan itu di-

buat selepas mengambil kira kepelbagaian sumber tenaga boleh diperbaharui di rantau ASEAN yang agihannya ketika ini disifatkan tidak sekata.

Ini kerana, katanya, tenaga hidro banyak tertumpu di wilayah Mekong, manakala potensi tenaga solar dan angin darat di Filipina, Indonesia dan Malaysia.

"Menerusi tujuh rangkaian

rentas sempadan yang sudah beroperasi dan lebih banyak lagi dalam rancangan, perdagangan tenaga rentas negara bukan sahaja boleh dilaksanakan, malah mampu membawa manfaat bersama.

"Projek Integrasi Kuasa Laos-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP) adalah contoh terbaik bagi perdagangan elektrik pelbagai hala dapat direalisasikan, membolehkan negara bekerjasama membekalkan tenaga boleh baharu merentasi sempadan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata demikian pada ucapan Mesyuarat Peralihan Tenaga di ASEAN: Memupuk Kerjasama Serantau anjuran MyDigital, di sini semalam.

ASEAN dengan populasi hampir 700 juta adalah pengguna tenaga keempat terbesar dunia dengan permintaan di rantau ini meningkat kira-kira tiga peratus setahun sejak dua dekad lalu.

Jumlah itu melebihi paras purata global, selain Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) menjangkakan permintaan tenaga di ASEAN akan meningkat lebih 60 peratus menjelang 2040, jika trend semasa berterusan.

Fadillah berkata, penyelarasan atribut hijau, terutama Sijil Tenaga Boleh Baharu (REC) juga adalah antara aspek paling kri-



Fadillah bersalaman dengan delegasi ketika hadir Mesyuarat Peralihan Tenaga ASEAN di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

tikal yang memerlukan perhatian bersama.

Katanya, ASEAN melalui perluasan dagangan rentas sempadan perlu memastikan pengiktirafan bersama bagi REC untuk mengelak kiraan berganda serta memberi keyakinan kepada pelabur dan pembeli korporat.

Pertukaran tenaga dua hala

"Malaysia menyokong penuh rangka kerja ASEAN yang menyeluruh bagi atribut hijau, selaras amalan terbaik antarabangsa, memperkukuh kredibiliti serta memudahkan cara perolehan tenaga bersih sektor korporat.

"Perkara ini akan menjadi an-

tara fokus dan keutamaan Malaysia sepanjang tempoh Pengurusan ASEAN, dengan tumpuan memajukan rangka kerja serantau bagi kebolehpasaran REC," katanya.

Fadillah berkata, Malaysia menerusi perspektif nasional juga giat memperluas pertukaran tenaga dua hala, termasuk bersama Indonesia, Singapura dan Thailand.

Beliau berkata, Malaysia meraih pencapaian penting apabila memulakan perdagangan tenaga hijau rentas sempadan yang pertama dengan Singapura melalui 'Energy Exchange Malaysia' (ENEGEM) pada 13 Disember lalu.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S10), BPM